



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ. 600-3/4/29 (56)

Tarikh : 9 Mei 2025

See Tuh Shan Yuen
Pengerusi Jawatankuasa Pengelola
Persatuan Kwang Tung Johor (Belia)
No 23, 23-01, 23-02
Jalan Kencana Mas 1/1
Tebrau Business Park 3,
81000 Johor Bahru
Johor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN PERTANDINGAN
BERCERITA BAHASA CINA PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan pelaksanaan aktiviti di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNJ mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

2. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Johor mengambil maklum akan permohonan pihak tuan dan tiada halangan untuk Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung Malaysia (*Kwang Tung Federation Youth Council*) menganjur dan menjemput murid bagi program di atas seperti ketetapan yang berikut:

- 2.1 Tarikh : 26 Julai 2025 (Sabtu)
- 2.2 Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
- 2.3 Tempat : Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Foon Yew 2

3. Untuk makluman tuan, surat maklum balas ini tertakluk kepada semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa (Lampiran D) termasuk perkara-perkara yang berikut:

- 3.1 semua murid dan guru yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini. Peranan pihak sekolah terhad dalam mempertimbangkan memberi kebenaran pelepasan tugas guru dan pelepasan belajar murid sahaja;
- 3.2 murid, warga sekolah dan pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan penyertaan murid perlu mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa/penjaga;
- 3.3 tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2005 dan Surat Siaran KPM Bil. 2 Tahun 2016 berkaitan pelaksanaan bekerja lima hari seminggu, pelibatan murid di bawah tanggungjawab ibu bapa/penjaga;